

01 DEC 1997

POEM AKAN KELUARKAN KENDERAAN ELEKTRIK SECARA BESAR-BESARAN

BANGI, 1 Dis (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM) akan mengeluarkan kenderaan elektrik secara besar-besaran, kata Dr Ahmad Tajuddin Ali, pengerusi eksekutif Tenaga Nasional Bhd, yang memiliki 50 peratus POEM.

Kenderaan elektrik sulungnya digelar "Eleksuria" dilancarkan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini. POEM telah memasang 10 model sepertinya, yang mempunyai 50 peratus kandungan tempatan.

Selain daripada Tenaga Nasional, Frazer-Nash Research Ltd United Kingdom memiliki 40 peratus kepentingan POEM, dan Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh dan Tan Sri Basir Ismail setiap seorang memiliki lima peratus. POEM, yang diperbadankan Mac lalu, mempunyai modal berbayar RM10 juta.

Barisan keluaran syarikat itu adalah kenderaan-kenderaan penumpang dan utiliti dibantu tenaga suria, pacuan elektrik. Kenderaan itu dikenali sebagai "Solar Baby", dan panduan bandar "City Car", dan "Motosikal Elektrik".

Terdapat juga kenderaan elektrik bantuan suria di luar lebuhraya seperti "Go-Kart", untuk penggemar perlumbaan kart, dan "Buggy" untuk pengangkutan am dan sukan. -- BERNAMA

SHO OS